

# PM: Henti penambakan laut

UM 30 MAR 2002

Oleh AMIR SARIFUDIN  
dan MARHAINI KAMARUDDIN

S HAH ALAM 29 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Singapura mestilah menghentikan sementara kerja-kerja penambakan lautnya jika negara itu mengharapkan kerjasama daripada Malaysia dalam hal-hal lain.

Perdana Menteri berkata, tindakan Singapura itu tidak membawa kebaikan dan pada masa yang sama Malaysia juga boleh bertindak sesuka hati tanpa memikirkan kepentingan negara jiran.

“Macam ini payah sikit... kita pun tak boleh bagi kerjasama kalau dia tak bagi kerjasama,” katanya yang merujuk kepada keputusan Kerajaan Singapura untuk meneruskan kerja penambakan laut sekalipun Malaysia menyatakan kebimbangan aktiviti di Selat Johor itu akan mengganggu laluan kapal serta menjejaskan alam sekitar.

Dr. Mahathir menambah Singapura sepatutnya menghentikan sementara kerja-kerja berkenaan setelah Timbalan Perdana Menteri (Lee Hsien Loong) sendiri memberi jaminan untuk menimbangkan kebimbangan Malaysia ketika melawat negara ini.

## Kecewa

Kata Perdana Menteri, beliau agak kecewa kerana kerja-kerja penambakan laut itu masih dijalankan kerana ada menteri lain di republik berkenaan yang mahu ia diteruskan.

“Timbalan Perdana Menteri datang sini kata nak timbang perkara ini tetapi menteri lain di republik itu pula mahu kerja-kerja penambakan diteruskan,” jelasnya.

Beliau menegaskan perkara itu pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor dan melancarkan Buletin BN Selangor, di Kompleks Belia dan Kebudayaan negeri di Seksyen 7 di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan di Parlimen bahawa republik itu akan meneruskan kerja

■ Lihat muka 4

## PM: Henti penambakan laut

UM 30 MAR 2002

penambakan bagi memenuhi permintaan hadap tanah yang semakin meningkat, walaupun Malaysia membantah.

Dalam hubungan ini, tegas Dr. Mahathir, jika Singapura mahu Malaysia memberi kerjasama, republik itu juga harus memberikan kerjasamanya kepada negara ini.

“Harap Singapura bekerjasama. Kalau nak kita kerjasama dengan dia, Singapura mesti juga beri kerjasama kepada kita. Tetapi kalau Singapura buat ikut suka hati dia, kita pun boleh buat ikut suka hati kita. Semua ini tak baiklah,” katanya.

Dr. Mahathir juga menyatakan Singapura harus menghentikan kerja-kerja penambakan tersebut kerana ada aduan mengatakan ia memasuki sempadan Malaysia.

“Kalau Singapura dah tambak ke dalam sempadan Malaysia, dia harus hentikan kerja-kerja tersebut,” katanya.

Mengikut Pelan Konsep 2001, Singapura berharap menambah keluasan 15 peratus lagi menjelang 2010 bagi menampung 5.5 juta penduduk daripada 3.7 juta orang sekarang.

Kerja-kerja tebus guna tanah besar-besaran dilakukan di sekitar Pulau Tekong dan Pulau Ubin yang bertentangan dengan Tanjung Pengelih di timur laut Johor, Tuas dekat Laluan Kedua dan pulau kecil ke barat sebelah Tuas.

Selain menerima bekalan air dari Malaysia untuk keperluan penduduknya, Singapura mempunyai hubungan dagang dan rangkaian jalan raya dan kereta api dengan Malaysia.